

# Putrajaya rekod pendapatan isi rumah, perbelanjaan tertinggi

**PUTRAJAYA** - Pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan, Putrajaya berada di kedudukan tertinggi purata pendapatan isi rumah kasar bulanan iaitu RM13,473 berbanding negeri lain di seluruh negara.

Putrajaya juga merekodkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata tertinggi iaitu RM8,897, melebihi purata corak perbelanjaan isi rumah RM5,150.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, wilayah itu lebih tertumpu kepada penjawat awam yang didorong peningkatan secara konsisten.

“Di samping itu, ia juga dijamin oleh sektor swasta yang memilih untuk berada di sini dan bekerja di Kuala Lumpur,” katanya.

Beliau berkata, Kuala Lumpur berada di kedudukan kedua purata pendapatan isi rumah kasar bulanan iaitu RM13,325, disusuli Selangor (RM12,233) dan Johor (RM8,517) yang sekali gus mencatatkan pendapatan isi rumah bulanan purata yang melebihi paras nasional



**Mohd Uzir (dua dari kanan) bersama Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli (tengah) menunjukkan buku laporan Survei Pendapatan Isi Rumah Tahun 2022 pada Majlis Pengumuman Penemuan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2022 di Jabatan Perangkawan Malaysia pada Jumaat.**

RM8,479 pada tahun 2022.

Selangor turut mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan tertinggi bagi pendapatan purata iaitu sebanyak 4.1 peratus daripada RM10,827 kepada RM12,233, manakala Labuan merekodkan kemerosotan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata

dengan pengurangan 0.3 peratus iaitu RM8,319 (2019) kepada RM8,250.

Mohd Uzir berkata, berdasarkan peruntukan perbelanjaan yang dibuat oleh isi rumah, komposisi corak perbelanjaan iaitu 66.9 peratus tertumpu kepada empat kumpulan perbelanjaan utama.

Ia melibatkan 23.2 peratus dibelanjakan untuk perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain, makanan dan minuman (16.3 peratus), restoran dan hotel (16.1 peratus) dan pengangkutan (11.3 peratus).

“Perbelanjaan ke atas kumpulan restoran dan hotel meningkat 2.4 mata kepada 16.1 peratus berbanding 13.7 peratus pada tahun 2019,” katanya.

Beliau berkata, keadaan itu selari dengan peningkatan perbelanjaan makan di luar rumah kepada 15.3 dan penurunan perbelanjaan makanan dan minuman kepada 16.3 peratus.

“Pada 2019, perbelanjaan di luar mencatatkan 11.2 peratus manakala 16.9 peratus bagi perbelanjaan makanan dan minuman.

“Dari sudut corak agihan pendapatan pula, had pendapatan B40 yang merangkumi 3.16 juta isi rumah adalah RM5,249,” katanya.

Menurutnya, kumpulan M40 pula merekodkan julat pendapatan di antara RM5,250 hingga RM11,819.

“Sebanyak 1.58 juta isi ru-

mah berada dalam kumpulan T20 dengan pendapatan melebihi RM11,820,” katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berkata, kumpulan T20 memiliki 46.3 peratus daripada agihan keseluruhan pendapatan isi rumah, menurun daripada 46.8 peratus pada 2019, M40 memiliki 37.6 peratus, manakala B40 pula hanya menguasai 16.1 peratus dari jumlah pendapatan, meningkat sedikit daripada 16.0 peratus pada 2019.

Dari sudut analisis insiden kemiskinan mutlak pula, beliau berkata, nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi tahun 2022 meningkat kepada RM2,589 berbanding RM2,208 tahun 2019.

“Insiden kemiskinan mutlak sebelum krisis kesihatan global adalah 5.6 peratus pada 2019.

“Berdasarkan kepada kajian anggaran kemiskinan yang dijalankan oleh DOSM kesan daripada pandemik Covid-19, insiden kemiskinan pada tahun 2020 telah meningkat kepada 8.4 peratus dan sedikit menurun kepada 8.2 peratus pada tahun 2021,” katanya.